



**Memorandum
Forum Kedaulatan Makanan Malaysia
berkenaan
Comprehensive and Progressive Agreement for Transpacific
Partnership (CPTPP)**

kepada

**Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
YB Tuan Haji Mohamad Bin Sabu**

29 Disember 2022

Yang Berhormat Tuan Haji,

Kami yang menandatangani memorandum ini ingin menyatakan kebimbangan terhadap penyertaan dan ratifikasi Malaysia ke dalam perjanjian kerjasama CPTPP (Comprehensive and Progressive Agreement for Transpacific Partnership) yang bakal memberi kesan negatif yang besar terhadap petani, penternak dan nelayan serta terhadap keterjaminan dan kedaulatan makanan rakyat Malaysia di masa hadapan.

Apa yang ingin kami nyatakan ini bukanlah baharu kerana sebelum mesyuarat kabinet kerajaan yang lepas meratifikasi perjanjian ini pada 30 September 2022, telah banyak memorandum dan kenyataan-kenyataan media dibuat oleh pihak petani, penternak dan nelayan serta NGO-NGO yang berkaitan mendesak agar perjanjian ini tidak diratifikasi secara terburu-buru.

Namun, suara kami sering digambarkan oleh pihak-pihak kapitalis yang tamak dan penyokong-penyokong pasaran terbuka sebagai tidak berasas dan tidak berlandaskan fakta. Oleh itu, memorandum ini akan menjawab dan merungkai tuduhan-tuduhan jahat terbabit dengan fakta dan rujukan-rujukan sahih serta akan menjelaskan kepada YB fakta-fakta sebenar tentang kesan buruk perjanjian ini kepada sektor pertanian negara.

Jika pihak-pihak yang menyokong perjanjian ini mendakwa bahawa CPTPP akan membolehkan mereka mengeksport lebih banyak barangan dan mengaut keuntungan yang lebih besar, apakah hak mereka untuk menafikan hak petani untuk berkongsi dan menjual benih secara bebas dan menidakkan hak nelayan untuk menangkap ikan secara bebas hanya kerana mereka mahu mengeksport dengan lebih banyak? Adakah pihak kerajaan kini hanya mementingkan para pengeksport tanpa mempedulikan lagi para petani dan nelayan tempatan yang saban hari membanting tulang demi memastikan keterjaminan makanan Negara dapat dipenuhi?

Apatah lagi, mengikut kajian yang dilaksanakan oleh pakar ekonomi daripada UNCTAD dengan metodologi World Bank, penyertaan dalam CPTPP akan mengurangkan pengimbangan perdagangan antarabangsa (external trade balance) Malaysia sebanyak RM9.6 bilion setahun untuk sepuluh tahun yang akan datang. Ini kerana dengan menghapuskan tarif untuk semua barangan import akan menggalakkan tambahan import, dijangka ia akan melangkaui tambahan eksport di bawah CPTPP.ⁱ

Yang Berhormat Tuan Haji,

CPTPP Menafikan Hak Petani Untuk Berkongsi dan Menjual Benih

Artikel 18.7.2 dalam perjanjian CPTPP menyatakan bahawa negara-negara yang meratifikasi CPTPP wajib menyertai Konvensyen UPOV 1991. Di bawah Artikel 18.83.4(b)(iv) Malaysia ada tempoh peralihan (transition period) selama empat tahun setelah diratifikasi untuk menyertai UPOV 1991. Konvensyen ini bertujuan untuk memberikan perlindungan dan hak monopoli yang meluas kepada pembiak baka tumbuhan bagi tujuan kononnya menggalakkan pembiak baka komersial melabur dalam penyelidikan dan inovasi dan menghasilkan lebih banyak jenis tumbuhan baharu. Bagaimanapun, masalah besar dengan sistem UPOV ini ialah ianya berat sebelah dan menafikan kepentingan dan sumbangan petani.

UPOV menghalang petani melakukan inovasi dan menafikan hak tradisional petani untuk bebas berkongsi dan menjual benih terlindung yang dituai dari ladang mereka sendiri. Petani Malaysia perlu membayar royalti benih selama 25 tahun (untuk tumbuhan menjalar dan berkayu) dan 20 tahun (untuk semua tumbuhan lain). Hak monopoli yang diberikan kepada pembiak baka juga adalah tidak adil kerana induk yang digunakan untuk menghasilkan varieti baharu selalunya diperoleh daripada varieti tradisional yang telah dibiakkan oleh petani secara turun temurun atau diperoleh daripada sumber biodiversiti komuniti tempatan.

Undang-undang Malaysia pada ketika ini, iaitu Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (PNPV 2004) mengiktiraf hak petani terhadap benih kerana ia membenarkan petani menyimpan, berkongsi dan menjual benih secara bebas jika petani mempunyai lebih benih yang dilindungi dalam keadaan-keadaan tertentu asalkan ia tidak dilakukan secara komersial. Akta ini unik kerana ia mengimbangi kepentingan yang berbeza (kepentingan awam, penternak tumbuhan komersial, penternak awam dan petani kecil). Akta ini juga menggalakkan realisasi objektif Perjanjian Antarabangsa mengenai Sumber Genetik Tumbuhan untuk Makanan dan Pertanian (ITPGRFA), Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD), Deklarasi PBB mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) dan Deklarasi PBB mengenai hak petani dan mereka yang bekerja di luar bandar (UNDROP) yang semuanya disokong atau disertai oleh Malaysia. Ia juga mengandungi mekanisme untuk mencegah penyelewengan biodiversiti Malaysia.

Penerimaan pakai UPOV 1991 akan mengganggu keseimbangan ini. Hak untuk Malaysia tidak lagi boleh menolak pemberian hak pembiak baka kepada tumbuhan baharu untuk melindungi kepentingan awam seperti di mana terdapat kesan negatif terhadap alam sekitar. Tidak akan ada perlindungan terhadap penyelewengan sumber genetik tempatan dan pemohon juga tidak perlu menunjukkan bahawa ia telah mematuhi undang-undang negara yang mengawal akses dan perkongsian manfaat serta undang-undang biokeselamatan. Pengiktirafan semasa terhadap sistem benih petani dan kriteria tersendiri untuk pendaftaran juga akan dimansuhkan.

Kami mendapati analisis kos dan faedah yang dikeluarkan oleh MITI tentang kewajipan Malaysia untuk menyertai Konvensyen UPOV 1991 adalah tidak tepat. Analisis tersebut menyatakan petani masih boleh menyimpan benih tanpa memberitahu bahawa aktiviti perkongsian dan penjualan benih akan dihadkan. Hakikatnya, Konvensyen UPOV 1991 mempunyai sebanyak 13 artikel yang bercanggah dengan Akta PNPV 2004 yang merangkumi perkara-perkara yang telah disebutkan di atas.ⁱⁱ Laporan MITI juga silap kerana menyebut benih dilindungi oleh paten harta intelek sedangkan sebenarnya ia adalah perlindungan varieti baru tumbuhan melalui "hak pembiak tumbuhan" (bukannya paten).

CPTPP Menafikan Hak Nelayan Untuk Menangkap Jenis-jenis Ikan Tertentu

Artikel 20.16 dalam teks CPTPP menyatakan bahawa subsidi untuk nelayan boleh di sekat jika seseorang nelayan menangkap spesis ikan yang di kategorikan sebagai spesis yang berkurangan kerana terlalu banyak ditangkap. Tidak ada pengecualian berkenaan hal ini untuk nelayan kecil atau nelayan pantai. Walaupun objektifnya adalah untuk melindungi spesis ikan yang semakin berkurangan, peraturan ini tidak adil kerana ia meletakkan kesalahan kekurangan spesis ikan kepada nelayan kecil sedangkan punca utama kepupusan ikan adalah daripada pencemaran dan penggunaan pukot yang diharamkan oleh bot-bot tunda yang besar. Ini akan menyebabkan sumber pendapatan nelayan terutamanya nelayan pantai menjadi semakin terhad dan kehidupan mereka akan semakin tertekan sedangkan permasalahan akar kepada isu kepupusan spesis ikan tidak di tangani dengan berkesan.

CPTPP Akan Meningkatkan Kos Petani dan Penternak

Sistem UPOV 1991 bukan sahaja akan menafikan hak petani terhadap benih tetapi akan turut meningkatkan harga benih. Kajian tentang kesan UPOV 1991 di Filipina mendapati ia akan menyebabkan harga benih meningkat lebih daripada empat kali lebih mahal jika mereka menyertai konvensyen ini.ⁱⁱⁱ Artikel 18.47 dalam teks CPTPP pula memberikan 10 tahun keistimewaan perlindungan pemasaran eksklusif terhadap agrokimia yang akan menyebabkan harga racun pertanian meningkat tiga kali ganda.^{iv} Walaupun adalah lebih baik supaya para petani beralih kepada kaedah pertanian alami, perubahan mendadak dalam harga racun kimia boleh menyebabkan petani gulung tikar dengan lebih awal.

Para penternak pula akan menanggung kos ubatan veterinar yang lebih mahal akibat daripada undang-undang harta intelek yang lebih ketat berdasarkan bab Harta Intelek dalam teks perjanjian ini.^v

CPTPP Mensyaratkan 0% Tarif Import Untuk Hampir Keseluruhan Produk Makanan

Artikel 2.4 dalam teks CPTPP mensyaratkan pemansuhan tarif atau cukai import kepada 0% terhadap hampir keseluruhan produk pertanian yang diproses dan belum diproses. Selain memberikan pendapatan kepada kerajaan, tarif import juga adalah sebuah mekanisme untuk melindungi petani, nelayan dan penternak tempatan daripada berlakunya lambakan produk import yang murah dan mungkin juga berkualiti rendah.

Antara pasaran produk pertanian tempatan yang pernah terganggu oleh lambakan import adalah pisang, nanas, tembikai dan rambutan. Pada tahun 2017, lambakan import produk-produk tersebut dari Filipina, India dan Vietnam telah menyebabkan harga pisang di pasaran menjunam dan menyebabkan kemarahan petani tempatan. Di Johor umpamanya, harga pisang pada tahun tersebut yang lazim berlegar sekitar RM2 hingga RM2.50 sekilogram telah menurun mendadak kepada RM1.60 atau lebih rendah.^{vi}

Misalnya, melalui CPTPP cukai import pisang iaitu boleh mencapai sehingga 5% akan dihapuskan menjadi 0%. Manakala cukai import nanas iaitu sebanyak 60 sen per kilogram akan dihapuskan kepada 0 sen.

Mekanisme SPS dan Permit Import Lebih Sukar Dimanfaatkan di bawah CPTPP

Import tanaman yang tidak dikenakan cukai seperti cili masih memerlukan permit import di bawah kawalan agensi-agensi seperti FAMA dan Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak. Kawalan ini adalah dalam bentuk kebersihan produk makanan dan fitosanitari (sanitary and phytosanitary atau SPS). Dalam CPTPP, permit-permit import yang bertujuan untuk melindungi pengguna dan pasaran tempatan ini tidak boleh digunakan secara bebas oleh agensi-agensi terbabit seperti FAMA dan MAQIS untuk melindungi petani dan penternak daripada lambakan import. Ini bermakna apabila cili asing yang murah dan berkualiti rendah memenuhi pasaran dan menjejaskan petani tempatan pada masa hadapan, FAMA akan menghadapi sekatan baru jika hendak membantu mengurangkan import melalui mekanisme SPS.

Kes seperti ini telah berlaku pada tahun 2016, 2017 dan 2018 berikutan lambakan cili import daripada Vietnam. Pada 2018 contohnya, Menteri pertanian mengarahkan pihak FAMA menggunakan mekanisme SPS untuk membantu petani mengawal kemasukan cili import secara mendadak.^{vii} Hal yang sama juga terpakai kepada import daging yang tidak dikenakan cukai tetapi dikawal oleh permit import oleh agensi seperti MAQIS. Pihak MAQIS akan memastikan setiap daging import yang dibawa masuk mempunyai permit import yang sah, sijil kesihatan veterinar, sijil halal dan sijil fitosanitari supaya sumber daging bebas penyakit serta selamat untuk dimakan sekaligus membantu mengurangkan produk import yang boleh menjejaskan pasaran tempatan.

Kesan CPTPP Kepada Usahawan Tempatan, Pengguna dan Keterjaminan Makanan Negara

Peluang usahawan tempatan dalam sektor pertanian akan semakin mengecil kerana apabila CPTPP berkuat kuasa, pelabur-pelabur luar bebas untuk membekalkan perkhidmatan dan produk kepada agensi-agensi kerajaan dan tiada keutamaan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada usahawan tempatan kecuali dalam beberapa kategori yang sangat terhad seperti perolehan kerajaan untuk beberapa produk dan perkhidmatan terpilih. Lambakan produk import dan perkhidmatan asing ke dalam negara boleh menyebabkan kilang-kilang dan usahawan-usahawan tempatan gulung tikar.

Oleh kerana kemasukan barangan import sama-ada produk makanan atau kegunaan harian tidak dikawal ketat. Lambakan produk import akan menggembirakan pengguna pada jangka masa pendek. Namun, tanpa sedar ini akan membunuh pengeluar dan peniaga tempatan sehingga semua keperluan pengguna akan bergantung kepada negara luar.


Bermakna, pada masa depan rakyat dan kerajaan sukar mengawal harga dan bekalan dengan bebas dan berkesan untuk memenuhi keperluan rakyat tanpa halangan daripada CPTPP. Lagipun, apabila sudah tiada pengeluar tempatan, kita hanya boleh terima sahaja apa pun harga yang diletakkan oleh pembekal dari negara luar.

Analisis kos dan faedah yang dikeluarkan oleh MITI tidak langsung mengkaji kesan CPTPP terhadap petani, penternak, nelayan dan usahawan dalam sektor pertanian, ataupun kesan terhadap pengguna. Malah, tiada penilaian mengenai kesan terhadap keterjaminan makanan negara.

Kami mahukan penjelasan, adakah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melaksanakan penilaian dan kajian terperinci berkenaan perkara-perkara yang disebut di atas? Adalah amat penting bagi pihak kementerian agar perkara ini diumumkan kepada rakyat dan kerisauan kami dibawa ke mesyuarat kabinet supaya penyertaan Malaysia ke dalam perjanjian CPTPP ini dapat dikaji semula demi kemaslahatan petani, nelayan dan penternak serta keterjaminan makanan Negara.

Kami berharap YB akan mengambil berat terhadap isu ini dan memastikan perkara ini dikaji secara mendalam sebelum keputusan muktamad diambil. Kami minta peluang untuk bertemu dengan YB untuk perbincangan selanjutnya.

Yang benar,



NURFITRI AMIR MUHAMMAD
KETUA KOORDINATOR,
FORUM KEDAULATAN MAKANAN MALAYSIA (FKMM)
foodsovereignty.malaysia@gmail.com

ⁱ https://www.researchgate.net/publication/332345192_CPTPP_Implications_for_Malaysia's_Merchandise_Trade_Balance

ⁱⁱ https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/c_extr/22/c_extr_22_2.pdf

ⁱⁱⁱ https://www.publiceye.ch/fileadmin/files/documents/Saatgut/2014_07_10_Owning_Seed_-_Accessing_Food_report_def.pdf#page=1&zoom=auto,-158,449

^{iv} https://www.aph.gov.au/~/media/wopapub/senate/committee/freetrade_ctte/submissions/sub533_pdf.ashx

^v [https://fta.miti.gov.my/miti-fta/resources/Text%20of%20TPPA%20\(160516\)/18_Intellectual_Property_.pdf](https://fta.miti.gov.my/miti-fta/resources/Text%20of%20TPPA%20(160516)/18_Intellectual_Property_.pdf)

^{vi} <https://malaysiagazette.com/2017/06/03/harga-pisang-menjunam-kerana-lebihan-import/>

^{vii} <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/moa-perketatkan-kawalan-kemasukan-cili-import-salahuddin-194261>

MEMORANDUM INI DISOKONG OLEH ORGANISASI-ORGANISASI YANG BERIKUT:

ORGANISASI PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN

1. Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM)
2. Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING)
3. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
4. Jaringan Penternak Nasional Marhaen
5. Malaysian Institute of Sustainable Agriculture (MISA)
6. Diribumi Ecological Services
7. Persatuan Agroekologi Malaysia (SRI-Mas)
8. Komuniti Pondok Sukun (KOMPOS)
9. Natural Farming Association Malaysia (NFAM)
10. Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad
11. Bangi Hijau
12. Min House Camp
13. Rimba Organik Komuniti Kelantan
14. Persatuan Usahawan Tani Cinta Alam Kelantan (PUNCAK)

ORGANISASI PENGGUNA

15. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
16. Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)
17. Persatuan Pengguna-Pengguna Perak (PCA)
18. Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna-Pengguna Pahang (Consumers Pahang)
19. Pertubuhan Hal Ehwal Dan Pelindung Pengguna Sabah (CAPS)
20. Persatuan Pelindung Pengguna Negeri Sembilan (PPPNS)
21. Persatuan Suara Pengguna Sarawak (COVAS)
22. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

ORGANISASI ALAM SEKITAR

23. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
24. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS MALAYSIA)
25. Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesinambungan Malaysia (SUSDEN Malaysia)
26. Treat Every Environment Special

ORGANISASI EKONOMI DAN KEUSAHAWANAN

27. Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM)
28. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)
29. Gerakan Ekonomi Malaysia (GEM)
30. Dewan Pembangunan Perniagaan Usahawan Malaysia (MCED)
31. Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia
32. Pertubuhan Pengguna Ekonomi Digital Malaysia (myDGtalconsumers)

ORGANISASI SOSIAL, HAK ASASI, KESIHATAN, KEAGAMAN DAN KEBUDAYAAN

33. Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH)
34. Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
35. Teras Pengupayaan Melayu
36. Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM)
37. Gerakan Pembela Ummah (UMMAH)
38. Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA)
39. Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)
40. Muwasolah Agamawan Memperkasa Institusi Raja dan Rakyat (MAMPIR)

-
41. Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia
 42. Badan Bertindak Bandar Kinrara (BERTINDAK)
 43. UNGGAS Malaysia
 44. Pertubuhan Pembangunan dan Inovasi Wanita (WADI Malaysia)
 45. Agora Society Malaysia
 46. Unriba@Universoul Sdn Bhd
 47. Gabungan Menentang Kepelbaggian Kesatuan Sekerja (CAMU)
 48. Women for Equality Association KL & Sel (WEA)
 49. Gabungan Marhaen
 50. Positive Malaysian Treatment Access & Advocacy Group (MTAAG+)

ORGANISASI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

51. Third World Network (TWN)
52. Pertubuhan Penyelidikan Antarabangsa dan Pembangunan Untuk Kelestarian (IDRIS)

PARTI POLITIK

53. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
54. Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG)